

# Majlis Perarakan Berjubah Graduan UMS peringkat Labuan 15 Nov ini

NST 19.10.14 6

OLEH JAINUDIN DJIMIN  
jainudin@newsabah-  
times.com.my

LABUAN: Majlis Perarakan Berjubah Graduan sempena Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-16 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan akan diadakan pada 15 November depan.

Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Prof Madya Dr Syed Nasirin Syed Zainol Abidin berkata majlis anjuran bersama UMS dan Perbadanan Labuan itu akan bermula dari Menara Perbadanan Labuan ke Dataran Labuan.

Beliau yang juga Pengerusi Penganjur Bersama berkata program tahunan yang dijadual bermula kira-kira pukul 9 pagi itu bakal dihadiri Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Mohd Nadzri Osman.

"Kita juga akan menjemput pemimpin masyarakat ter-



**JAWATANKUASA ...** Syed Nasirin (tiga kanan) dan Mahathir (dua kanan) selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Perarakan Berjubah Graduan Bil2/2014, kelmarin.

masuk Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli dan Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Yunus Kurus serta ketua-ketua kampung dan ketua-ketua jabatan kerajaan serta swasta," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa berkenaan Bil.2/2014 di Bilik Mesyuarat FKAL, Aras 3, Bangunan Menara UMS La-

buhan, kelmarin.

Turut hadir Pengarah Jabatan Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan Perbadanan Labuan, Mahathir Ab Hamid.

Syed Nasirin berkata kira-kira 250 peserta termasuk mahasiswa dan pensyarah FKAL dan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), pegawai utama UMS dan pegawai kanan UMS Kampus Antarabangsa Labuan.

Sementara itu, Mahathir berkata pihaknya sedia bekerjasama dengan UMS dalam penganjuran Majlis Perarakan Berjubah Graduan ke-16 2014.

Sehubungan itu, pihak penganjur mempelawa orang ramai khususnya warga Wilayah Persekutuan Labuan untuk bersama-sama datang menyaksikan perarakan berjubah yang bersejarah itu.